

## **Pemahaman Guru Tentang Konsep Asas Ilmu Qiraat, Qiraat Imam 'Asim dan Qiraat Imam Hamzah**

*Mohd Hilmi Bin Rozali*

*hilmi7237@yahoo.com*

*IPG Kampus Temenggong Ibrahim JB*

*Kamarul Azmi Jasmi*

*qamar@utm.my*

*Fakulti Tamadun Islam, UTM Skudai*

*Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff*

*nrahimi@ukm.my*

*Fakulti Pendidikan, UKM Bangi*

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana penguasaan dan pemahaman guru Kelas Kemahiran al-Quran yang mengajar Qiraat terhadap asas ilmu tersebut dan cabang-cabangnya. Data kajian ini telah dikumpulkan dari dua orang responden melalui temu bual secara mendalam dan kemudian telah ditriangulasikan pula dengan data pemerhatian di dalam kelas. Kesemua data tersebut telah dijadikan verbatim dan dianalisis untuk mengeluarkan tema dan subtema. Hasil kajian ini mendapati bahawa guru Qiraat dapat menguasai isi kandungan pelajaran dan konsep asas ilmu Qiraat, Qiraat Imam 'Asim dan Imam Hamzah dengan baik. Namun terdapat beberapa permasalahan dan konsep dalam ilmu Qiraat yang perlu dimantapkan. Kajian ini telah menghasilkan satu Model Asas Pemahaman Konsep Guru Qiraat (MAPKGQ) yang mengajar di Kelas Kemahiran al-Quran anjuran Kementerian Pelajaran.

**Kata kunci:** pemahaman konsep qiraat, asas qiraat, konsep qiraat, penguasaan ilmu qiraat

### **ABSTRACT**

*This study was conducted to determine the extent of mastery and understanding of Quran Class Skills teachers in the teaching of Qiraat focusing on its knowledge base and its branch. This survey data was collected from two respondents through an in-depth interviews and then it was triangulated through classroom observation data. All data used were verbatim and analyzed to produce themes and subthemes. The result of the study showed that the teachers were able to master the subject content as well as the concept of the basic knowledge of Qiraat, Qiraat Imam 'Asim dan Imam Hamzah. However there are some problems and concept in Qiraat knowledge that need to be strengthened. This study has produced a basic understanding of the concept of Model Teacher Qiraat (MAPKGQ) which would be a guidance to Quran Class Skill Teachers organized by the Minister of Education.*

**Keywords:** understanding of the concept of qiraat, the basic of qiraat, the concept of qiraat, acquisition of knowledge of qiraat.

## PENGENALAN

Ilmu al-Quran mempunyai pelbagai cabang. Setiap cabang ilmu itu mempunyai pelbagai konsep yang berbeza dan perlu difahami oleh guru sebelum memulakan pengajaran. Konsep ilmu Qiraat tidak sama dengan konsep ilmu tajwid begitulah juga dengan cabang-cabang ilmu al-Quran yang lain seperti tafsir, ulum al-Quran dan Resam Uthmani (Sa'aban, 1999; Abdul Rahim, 2006).

Di Malaysia ilmu al-Quran telah pun berkembang malahan masyarakat telah mula didedahkan dengan qiraat selain Qiraat Hafs dari Imam 'Asim. Walaupun demikian masih terdapat kelemahan dan kekurangan dalam penguasaan al-Quran dan penyampaian ilmu tersebut. Pelbagai usaha dan kajian dilakukan bagi memperbaiki kelemahan yang sedia ada. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan melihat penguasaan dan kefahaman guru Qiraat terhadap ilmu tersebut.

## KAJIAN KEPUSTAKAAN

Seorang guru haruslah mempunyai pengetahuan dan kemampuan yang mendalam terhadap bidang yang hendak diajar (Abrasyi, 1969). Semua konsep ilmu perlu dikuasai dengan baik. Ilmu juga harus diperbaharui dan ditambah dari semasa ke semasa. Hal ini kerana bidang ilmu pengetahuan sentiasa bertambah dan meluas (Atan, 1980). Begitulah juga bagi guru Qiraat, mereka perlu menguasai asas ilmu tersebut dengan baik bagi menjamin keaslian ilmu yang diberikan kepada pelajar serta melancarkan proses penyampaian ilmu (Mohd Hilmi, 2010).

Ketika membahaskan peranan-peranan guru Islam melalui konsep 5 M (*mua'llim, mudarris, murabbi, muaddib dan mursyid*) Ab Halim et al. (2004) berpendapat bahawa sebagai guru Islam yang memainkan peranan *mua'llim* haruslah memiliki ciri (a) menguasai ilmu, (b) meningkatkan ilmu, (c) mengetahui isu semasa dan (d) merangsang minda pelajar melalui kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK).

Menurut Ashraf (1994) pula guru yang berpengetahuan dan bijak menguasai mata pelajaran yang diajarnya dapat membantu pelajar membentuk dan menajamkan intelek mereka. Hal ini adalah kerana pengetahuan dan kebijaksanaan adalah satu keperluan bagi mereka yang ingin mengajar orang lain, malah sebagai seorang guru hendaklah pengetahuan tersebut diperluaskan dalam aspek yang pelbagai (Ab Halim & Mohd Khairul, 2010).

Menurut teori Pedagogi Isi Kandungan (PCK) yang dicadangkan oleh Shulman (1986) yang kemudiannya dikembangkan oleh Tengku Zawawi (2005), penguasaan guru terhadap ilmu yang hendak disampaikan mampu menghasilkan pengajaran yang berkesan jika disepadukan dengan pengetahuan pedagogi dan tahap kebolehan pelajar. Teori tersebut kemudiannya dikembangkan oleh Wiseman et al. (1999) yang menyatakan bahawa terdapat tiga pengetahuan utama sebagai komponen PCK yang perlu dimiliki oleh setiap warga pendidik iaitu (a) pengetahuan isi kandungan (b) pengetahuan pedagogi dan (c) pengetahuan tentang pelajar.

Penguasaan pengetahuan isi kandungan oleh guru meliputi juga apakah alatan yang digunakan dan pengetahuan sedia ada pelajar. Pengetahuan isi kandungan juga perlu selaras dengan sukatan pelajaran dan kurikulum. Manakala pengetahuan pedagogi pula merujuk kepada bagaimana sesuatu isi kandungan yang dikuasai oleh guru itu dapat disampaikan kepada pelajar dengan cara, kaedah, strategi atau teknik yang sesuai dan berkesan. Pengetahuan tentang pelajar pula

merujuk kepada sejauh mana pengetahuan guru terhadap pelajar berhubung cara pembelajaran mereka, minat, kebolehan, sikap, kepercayaan dan masalah pembelajaran yang mereka hadapi (Tengku Zawawi, 2005).

Begitu juga dalam ilmu Qiraat setiap guru yang mengajar mempunyai PCK yang tersendiri. Dalam aspek penguasaan pengetahuan isi kandungan, guru Qiraat perlu menguasai bidang Qiraat itu secara umum dan pecahan-pecahan bidang tersebut secara khusus yang merangkumi bacaan setiap imam-imam, cara bacaan, istilah bacaan, sebutan, tajwid Qiraat dan sebagainya. Pengetahuan sedia ada pelajar yang mempelajari ilmu Qiraat ini pula adalah penguasaan mereka terhadap ilmu asas Tajwid dan penguasaan bacaan riwayat Imam Hafs dari Imam 'Asim (Mohd Hilmi, 2010).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif, iaitu mengkaji pemahaman guru terhadap konsep asas ilmu *Qiraat Saba'ah* (tujuh jenis bacaan), konsep asas Qiraat Imam 'Asim dan konsep asas Qiraat Imam Hamzah.

## **METODOLOGI**

Kajian ini telah memilih responden secara berstruktur. Pada peringkat awal penyelidik telah mengenalpasti empat orang guru Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) yang mengajar Qiraat sekolah menengah di daerah Pasir Gudang. Setelah itu borang soal selidik diedarkan kepada mereka dan dua orang guru yang mendapat markah paling ekstrem dari borang soal selidik tersebut dijadikan responden kajian. Seterusnya data dikumpul dari kedua-dua responden tersebut menggunakan temubual secara mendalam. Tujuan temubual ialah untuk mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang (Patton, 1990; Lim, 2007). Ia juga membolehkan penemu bual mendapatkan maklum balas yang sah dengan jawapan yang lebih konkrit dan jelas serta menjurus kepada matlamat kajian (Mohamad Najib, 1999).

Data-data yang telah dikumpulkan melalui temubual kemudian ditriangulasikan dengan pemerhatian di dalam kelas. Melalui pemerhatian penyelidik berpeluang berganjak dari data yang berasaskan persepsi (diperolehi melalui temu bual) kepada data yang dipungut secara langsung (Lim, 2007).

Pada peringkat seterusnya penganalisan data telah dibuat menggunakan Model Aliran Miles dan Huberman (1994) yang telah diubahsuai. Analisis pada peringkat akhir ini melibatkan tujuh tahap (1) Membuat dan memperihalkan transkrip (2) Membuat reduksi (3) Membentuk kategori (4) Menentukan indeks kebolehpercayaan (5) Mempersembahkan data (6) Mengenal pasti pola individu (7) Mengenal pasti pola kumpulan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini penyelidik paparkan melalui tema yang dikeluarkan melalui data temubual mendalam dan pemerhatian di dalam kelas. Terdapat tujuh tema berkenaan penguasaan konsep Qiraat secara umum dan tiga tema berkenaan penguasaan konsep Qiraat 'Asim dan Qiraat Hamzah. Jadual 1 dan keterangan seterusnya memperincikan pembahagian tema-tema tersebut.

Jadual 1 Tema-tema Penguasaan Konsep Qiraat

Penguasaan Konsep Qiraat Secara Umum	Penguasaan Konsep Qiraat 'Asim dan Qiraat Hamzah
Definisi	Istilah
Objektif	Sebutan
Pengkelasan	Perbezaan
Minat	
Pengetahuan	
Hubungkait	
Persepsi	

### Pemahaman Respondan tentang Definisi Ilmu Qiraat

Beberapa soalan telah dikemukakan untuk melihat sejauh mana kefahaman guru terhadap ilmu Qiraat. Antara soalan tersebut ialah meminta guru mendefinisikan ilmu Qiraat mengikut pemahaman mereka. Ketika menghuraikan definisi Qiraat Responden 1 (R1) telah membahagikan pengertian Qiraat kepada dua bahagian, iaitu Qiraat dari sudut bahasa dan istilah. Qiraat dari sudut bahasa bermaksud "*bacaan manakala dari sudut istilah membawa erti bacaan yang diambil sumbernya daripada imam-imam Qiraat as-Saba' yang diambil secara mutawatir daripada Rasulullah s.a.w*" (R1-TEM-T03-P3:27-31). Manakala R2 pula hanya mendefinisikan Qiraat sebagai "*banyak bacaan*". Beliau juga berkata "*ia merupakan pelbagai cara sebutan kalimah al-Quran*" (R2-TEM-T03-P3:10-12).


### Pemahaman Respondan tentang Objektif Ilmu Qiraat

Seterusnya kedua-dua responden diminta menghuraikan objektif yang perlu dicapai oleh pelajar dalam ilmu Qiraat. Mereka telah bersependapat menyatakan bahawa objektif yang perlu dicapai oleh pelajar secara umum selepas proses pengajaran dan pembelajaran ialah pelajar dapat membaca bacaan Qiraat yang dipelajari dan membezakannya dengan Qiraat-qiraat yang lain. (R1-TEM-T05-P5:10-15; R2-TEM-T04-P8:45-46-P9:1-2)

### Pemahaman Respondan tentang Pengkelasan Ilmu Qiraat

Penggunaan peta konsep dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mencungkil pengetahuan responden berhubung dengan konsep asas ilmu Qiraat. Dengan menjadikan perkataan "Qiraat" sebagai teras kepada peta konsep, para peserta kajian diminta membuat pengkelasan dan menghubungkan antara konsep-konsep utama dengan sub-sub konsep yang mereka fahami.

Hasil penelitian didapati kedua-dua responden melakarkan peta konsep yang lebih kurang sama. Mereka menghubungkan konsep Qiraat dengan konsep-konsep yang berkaitan seperti definisi Qiraat, sejarah, hukum dan salasilah-salasilah imam-imam dan perawi-perawi mereka. Rajah 1 memaparkan rumusan peta konsep yang dilakarkan oleh peserta-peserta kajian secara umumnya.



Rajah 1 Peta Konsep Pengkelasan dan Pembahagian Topik Ilmu Qiraat

### Pemahaman Respondan tentang Hubungkait Ilmu Qiraat

Melalui sesi temubual yang dijalankan R2 ada membuat hubung kait ketika menerangkan konsep *al-Qiraat al-Saba'ah*. R2 telah mengaitkan bacaan Qiraat yang pelbagai ini umpama dialek bahasa yang terdapat di Malaysia seperti Kelantan, Terengganu dan Johor. Beliau berkata:

*“untuk memudahkan kefahaman pelajar saya suka membawakan konsep Qiraat ni kepada sebutan perkataan mengikut etnik budaya Malaysia.. maksudnya setiap negeri tu cara sebutannya berbeza-beza... contoh paling elok ialah perkataan ‘makan’ yang jelas budak faham kan? kalau kelantan ‘meke’ kalau terengganu ‘makang’, saya akan cuba bawa perkataan kepada sebutan begitu.. dan saya akan terangkan pula kepada pelajar kalau contohnya orang Malaysia sebut perkataan ‘makan..jadi dia akan sebut... saya beri contoh perkataan laa..contohnya perkataan ‘as-Sirot’, kalau macam orang luar Malaysia mungkin dia akan sebut dengan as-Shirot... az-Zirot. Aa.. begitulah keadaannya saya akan cuba bawakan contoh yang paling mudah mereka faham”*

(R2-TEM-T05-P3:19-29)

Berdasarkan temubual ini, R2 telah mengaitkan perbezaan loghat dalam masyarakat Melayu dengan perbezaan yang terdapat dalam bacaan qiraat.

### Minat Responden terhadap Ilmu Qiraat

Berdasarkan temubual juga, didapati kedua-dua responden bukan guru pengkhususan dalam bidang Qiraat. Namun apabila ditanya berkenaan minat terhadap pengajaran ilmu Qiraat, R1 menyatakan bahawa beliau mempunyai minat untuk mengajar bidang Qiraat ini (R1-TEM-T01-P2:7). Sementara itu, R2 pula menyatakan bahawa beliau kurang berminat pada peringkat awal pembabitan beliau dalam bidang Qiraat. Beliau berkata:

*“secara terus terangnya saya memang tak berapa minat dengan Qiraat ni sebenarnya.. tapi satu peristiwa tu berlaku di kursus..ada satu kursus di Batu Pahat di mana saya mendengar cerita pihak orientalis ataupun orang kristian sekarang ni menyebarkan Bible untuk diajar*

*di sekolah-sekolah.. masa tu saya timbul satu semangatlah.. saya mesti memperjuangkan Quran ni... masa tu lebih bersemangat..saya rasa sekarang saya minat dengan subjek yang saya ajar”*

(R2-TEM-T01-P02:37-43)

Pernyataan R2 ini menunjukkan bahawa beliau berasa bertanggungjawab untuk mengembangkan ilmu al-Quran bagi mengekang dakwah kristian yang giat dijalankan di sekolah-sekolah.

### Pengetahuan Responden dalam Ilmu Qiraat

Berkenaan dengan isi kandungan dan pengetahuan yang berkaitan dengan ilmu Qiraat yang hendak disampaikan kepada pelajar, R1 menjelaskan bahawa ia berada pada tahap yang sederhana. Beliau memperolehnya dari maktab perguruan, kursus-kursus dan bengkel anjuran Bahagian Pendidikan Islam, Unit Kurikulum di Kementerian Pelajaran dan SPPIM, JPN Johor (R1-TEM-T01-P2:12-15).

R2 juga mengakui mempunyai pengetahuan yang terhad dalam ilmu Qiraat. Sumber-sumber maklumat ilmu Qiraat diperolehi melalui kursus anjuran pihak Bahagian Pendidikan Islam, KPM dan Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, JPN Johor. beliau juga turut mendapatkan maklumat dari beberapa orang ustaz yang mahir dalam bidang ini di sekitar Pasir Gudang (R2-TEM-T01-P03:24-27).

### Pemahaman Respondan tentang Perbezaan Bacaan Perawi

Berhubung dengan tema perbezaan, setiap imam mempunyai cara dan gaya bacaan yang berbeza dengan imam yang lain. Perbezaan-perbezaan tersebut adakalanya terlalu sedikit dan mudah untuk dikenalpasti. Namun adakalanya ia banyak dan sukar untuk dibezakan. Begitu juga pada tempat-tempat tertentu terdapat bacaan yang berbeza antara perawi-perawi walaupun mereka mengambil dari imam yang sama. Perbezaan seumpama ini biasanya akan mengelirukan pelajar dan guru. Sebagai contoh pada kalimah dimana Hafs membacanya dengan ( كفوَا ) *ibdal hamzah* kepada waw ( كفوَا ) *kufuwan*, manakala Syu'bah membaca dengan tahqiq hamzah ( كفوَا ) *Kufu-an*. Kedua-dua bacaan tersebut diambil daripada Imam 'Asim (R1-PEM-P2:15-17).

Bagi perbezaan bacaan seumpama itu, R1 berpendapat bahawa perbezaan bacaan tersebut adalah disebabkan perawi mengambil bacaan dari imam yang lain. Pendapat beliau ini dinyatakan melalui temubual dengan katanya: *“Hafs dengar dengan dia punya imam lain (selain 'Asim)”* (R1-TEM-T04-P6:38-39).

R2 pula berpandangan bahawa perbezaan tersebut terhasil disebabkan kekreatifan perawi dan ilmu yang diperolehi melalui guru-guru yang berbagai. Maka ia akan mencetuskan bacaan baru. Perkara tersebut dinyatakan melalui temubual dengan katanya:

*“Dan sekiranya anak murid dia tu cerdik atau lebih banyak ilmu yang dia dapat.. contohnya macam imam al-Kisaie.. maksudnya dia ada dua guru.. sebab tu bacaan dia lebih dari orang lain... masudnya bacaan dia lebih banyak dari bacaan imam dia... sebab dia banyak merantau dan banyak menuntut ilmu dari orang lain”*

(R2-TEM-T05-P9:18-24)

Melalui pemerhatian juga beliau menyatakan sekali lagi bahawa ia disebabkan "*Kekreatifan dan kepintaran murid-murid maka mereka menambah bacaan yang menjadikan kelainan*", (R2-PEM-P2:7-8), (R2-PEM-P4:33-35).

### **Pemahaman Respondan tentang Istilah Ilmu Qiraat**

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan juga, R1 dilihat dapat merungkai segala istilah yang berkaitan dengan bacaan Imam 'Asim dengan baik. Istilah-istilah yang diperkenalkan kepada pelajar yang terdapat dalam kandungan pelajaran pada hari tersebut ialah tahqiq, naqal dan saktah. Menurut beliau tahqiq ialah "*pengambilan huruf secara haknya*" (R1-PEM-P1:29-30). Naqal pula ialah "*pindah baris*" (R1-PEM-P1:32) dan saktah pula ialah "*memberhentikan nafas sekadar 2 harkat dan menyambung semula dengan nafas yang sama*" (R1-PEM-P1:34-35)

R2 pula berpendapat bahawa Qiraat Imam 'Asim adalah Qiraat yang biasa dan tiada apa-apa perubahan. Qiraat 'Asim juga mudah untuk pelajar mengecam dan membezakan dengan bacaan imam-imam lain. Beliau berkata "*selalunya 'Asim tak ada masalah*" (R2-TEM-T04-P08:33). Ketika proses P&P dilakukan tiada sebarang istilah berkaitan Qiraat Imam 'Asim diperkenalkan oleh R2.

### **Persepsi Responden terhadap Ilmu Qiraat**

Kedua-dua responden mempunyai persepsi tersendiri berkenaan dengan Qiraat Hamzah. Menurut R1 ilmu Qiraat buat masa ini bukanlah satu ilmu yang asing bagi pelajar. Beliau berkata "*sekarang ni pada pendapat saya lah.. Qiraat ni lebih terdedah, di media masa dah ada kan?.. contoh akademi al-Quran. Pelajar pernah tengok, jadi lebih mudah bagi saya untuk mengajar Qiraat*" (R1-TEM-T03-P04:18-21). Walau bagaimana pun R1 mengakui bahawa Qiraat Hamzah ada sedikit kesukaran berbanding dengan Qiraat 'Asim (R1-TEM-P06:31).

Pada pandangan R2 pula Qiraat Imam Hamzah "*banyak perubahan dan bacaannya pun pelik-pelik la sikit daripada yang 'Asim*" (R2-TEM-T04-P07:22-23). Melalui perubahan dan perbezaan yang besar ini memudahkan pelajar untuk mengecam dan membezakan bacaan imam Hamzah dengan Qiraat yang lain (R2-TEM-T04-P07:19-23).

### **Pengusaasn Responden terhadap Sebutan dalam Qiraat**

Melalui pemerhatian didapati R1 mampu menguasai sebutan dan Qiraat mengikut riwayat 'Asim dengan baik. Ini terbukti apabila semua contoh sebutan dan bacaan yang diberikan kepada pelajar adalah dari bacaannya sendiri (R1-PEM-P1:44-45).

Begitu juga R2, beliau dapat menguasai sebutan dan bacaan Qiraat Imam 'Asim. Perkara ini juga dikukuhkan lagi dengan kata-kata beliau ketika ditemu bual: "*saya lebih kepada contoh saya sendiri.. maksudnya saya baca sendiri*" (R2-TEM-T02-P4:11).

Selain itu beliau juga menyifatkan bacaan 'Asim sebagai bacaan standard (biasa). Hubung kait ini ternyata melalui kata-katanya "*dan standardnya orang Johor.. dan saya selalu memberikan perbandingan orang Johor ni macam bacaan Imam 'Asim*" (R2-TEM-T02-P04:9-11). Perkara ini dinyatakan bagi memberi kefahaman kepada pelajar tentang kepelbagaian bentuk al-Quran khususnya Qiraat Saba'ah.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Berdasarkan dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa pemahaman guru tentang konsep asas ilmu Qiraat, Qiraat Imam 'Asim dan Qiraat Imam Hamzah dapat dilihat berasaskan tema-tema kajian ini. Hasil kajian ini juga akan dibincangkan mengikut tema-tema yang tersenarai.

### **Pemahaman Respondan tentang Objektif ilmu Qiraat**

Dalam kajian ini kedua-dua responden mengetahui objektif pelajaran yang perlu dicapai. Ia selaras dengan objektif-objektif yang terdapat dalam huraian sukatan pelajaran yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). Walaubagaimana pun kedua-dua responden meminta pelajar menghafaz semua isi pelajaran yang dipelajari di dalam kelas. Secara tidak langsung ia telah menjadi satu objektif dan aktiviti tambahan kepada pelajar. Arahan menghafaz ini tidak bertepatan dengan objektif yang patut dicapai iaitu mengetahui dan membaca perbezaan Qiraat.

Tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti tambahan (menghafaz) memberi kebaikan kepada pelajar, namun ia perlulah dilaksanakan setelah mengambil kira tahap keupayaan pelajar, masa dan kaedah yang sesuai. Menurut Kamarul dan Ab Halim (2007), guru-guru boleh meminta pelajar melakukan aktiviti tambahan dalam pengajaran mereka seperti menghafaz, bacaan tambahan dan meningkatkan kemahiran menulis. Namun aktiviti hafazan lazimnya diberikan kepada pelajar yang berkebolehan atau cerdas berbanding yang lemah. Dengan demikian bukan sahaja objektif pembelajaran dapat dicapai tetapi minat pelajar juga dapat dipupuk (Mohd Hilmi, 2010).

### **Pemahaman Respondan tentang Definisi Ilmu Qiraat**

Ketika mendefinisikan perkataan Qiraat, kedua-dua responden telah mengemukakan pandangan masing-masing. Definisi-definisi tersebut menunjukkan bahawa mereka memahami secara umum maksud Qiraat. Namun definisi-definisi tersebut dilihat lebih mantap sekiranya dapat diberikan dalam bentuk yang lebih hampir kepada pengertian yang terdapat di dalam buku-buku rujukan.

Menurut Esah (2004), sekiranya guru memilih untuk menggunakan kaedah syarahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, maka teknik menerangkan definisi dan istilah baru akan membantu meningkatkan keberkesanan kaedah tersebut. Walaupun demikian guru perlu menguasai dan menyampaikan setiap butiran definisi tersebut dengan tepat. Definisi yang kurang tepat bukan sahaja mengelirukan pelajar malah akan memandu mereka ke arah konsep yang salah.

### **Pemahaman Respondan tentang Pengkelasan Ilmu Qiraat**

Berdasarkan lakaran dan penerangan terhadap peta konsep yang dibuat oleh para responden, jelas menggambarkan kefahaman mereka secara keseluruhan terhadap konsep asas ilmu yang diajar kepada pelajar. Mereka dapat menghubungkan antara satu konsep dengan konsep-konsep yang lain. Hal ini bertepatan dengan teori Ausubel (1963) yang menyatakan bahawa sesuatu konsep itu akan bermakna apabila ia dihubungkan dengan konsep-konsep yang lain. Seterusnya pembelajaran juga akan bermakna jika konsep baru dihubungkan dengan pengetahuan sedia ada pelajar.



## **Pemahaman Respondan tentang Perbezaan Bacaan Perawi**

Berkenaan dengan perbezaan bacaan antara perawi-perawi walaupun mereka mengambil dari imam yang sama, kenyataan kedua-dua responden dilihat bertentangan dengan prinsip asas ilmu Qiraat sendiri. Sebagaimana yang telah disepakati oleh para qurra' bahawa setiap bacaan yang diriwayatkan dari seseorang imam tidak boleh dicampurkan dengan bacaan imam yang lain. Menurut Mohd Rahim (2001) sekiranya berlaku percampuran Qiraat imam dengan Qiraat yang lain maka perawi atau pembaca itu telah mendustai bacaan tersebut terhadap gurunya.

Pandangan R2 sebagai contoh jauh tersasar dari rukun pembacaan al-Quran. Ini kerana salah satu rukun yang perlu dipatuhi oleh pembaca al-Quran ialah sampai sanad bacaan tersebut kepada Rasulullah S.A.W secara mutawatir. Ini bermakna tiada sebarang ruang dibuka kepada umat Islam untuk berkreatif dan menunjukkan kepandaian dalam mereka cipta sesuatu Qiraat.

Mohd Rahim (2001) berpendapat bahawa masalah tersebut timbul disebabkan setiap imam qurra' itu mempunyai guru yang ramai, malah ada diantara mereka mempunyai bilangan guru-guru yang mencapai tujuh puluh orang. Sebagai contoh Imam Nafi' yang telah berguru dengan tujuh puluh orang tabien. Imam 'Asim pula sebagaimana yang di telah disebut sebelum ini pernah berguru dengan Zarru Bin Hubaisy dan Abdul Rahman Bin Habib as-Salimi. Bacaan yang diturunkan kepada Syukbah ialah bacaan dari Zarru Bin Hubaisy manakala bacaan Hafis pula diambil dari Abdul Rahman Bin as-Salami. Oleh yang demikian kedua-dua pandangan responden tersebut bertentangan dengan prinsip Qiraat itu sendiri.

## **Pengetahuan Responden dalam Ilmu Qiraat**

Menyentuh tentang pengetahuan sedia ada kedua-dua responden terhadap ilmu Qiraat, mereka mengakui mempunyai pengetahuan pada tahap sederhana. Berdasarkan dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa ada beberapa konsep yang perlu dimantapkan. Namun pengetahuan tersebut dijangka bertambah melalui pengalaman dan usaha yang dilakukan. Kenyataan ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Tengku Zawawi (2005), didapati bahawa amalan pengajaran, perancangan mengajar, tindak tanduk dan sikap guru di dalam kelas dipengaruhi oleh pengetahuan isi kandungan mata pelajaran tersebut. Dalam erti kata lain semakin banyak pengetahuan guru tentang isi kandungan pelajaran, pengetahuan tentang pembelajaran pelajar dan pengetahuan tentang pedagogi, maka guru akan mempunyai kepelbagaian kaedah, maklumat dan cara penyelesaian masalah seta kelemahan pelajar.

## **Minat Responden dalam Ilmu Qiraat**

Walaupun pada peringkat awal, R2 mengakui tidak berapa berminat dengan subjek Qiraat ini dan kemudian berubah minat. Ia sedikit sebanyak akan mempengaruhi pengetahuan guru. Penyelidik berpendapat bahawa minat akan mendorong seseorang itu untuk mendapatkan apa yang diminatinya. Guru yang kurang berminat dengan mata pelajaran yang diajarnya akan menjadi kurang peka terhadap perkembangan ilmu tersebut. Situasi kurang minat guru terhadap mata pelajaran yang diajar berkait rapat dengan kepuasan kerja. Menurut kajian yang dijalankan oleh Abd Main (1993), beliau mendapati bahawa kelulusan akademik guru tidak mempengaruhi kepuasan kerja mereka. Ini bermakna kelulusan akademik yang diperolehi oleh guru melalui minat belum tentu menjamin kepuasan dalam kerjayanya. bagaimana pula keadaan guru yang mengajar subjek yang tidak diminatinya. Sudah tentu mereka tidak dapat mencapai kepuasan dalam kerjaya.

## Pemahaman Respondan tentang Istilah Ilmu Qiraat

Kedua-dua responden dapat merungkai segala istilah yang berkaitan dengan bacaan Imam ʿAsim dengan baik. Memperkenalkan istilah-istilah yang baru kepada pelajar dilihat langkah yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan projek penyelidikan yang dilakukan oleh Zainab (2004) berkenaan amalan bahasa merentas kurikulum menunjukkan bahawa, 93.5% responden yang terbabit dalam kajian tersebut akan memperkenalkan istilah baru kepada pelajar mengikut mata pelajaran yang diajar. Menakala 89.5% responden akan menerangkan kepada pelajar istilah-istilah baru mengikut mata pelajaran masing-masing. Menurut Esah (2004) pula, memperkenalkan istilah dan definisi baru dapat membantu guru mempertingkatkan keberkesanaan kaedah syarahan yang digunakan. Teknik memperkenalkan istilah melalui pendekatan lakaran juga dapat mempercepatkan lagi proses pemahaman pelajar.


## Persepsi Responden terhadap Ilmu Qiraat

Dalam kajian ini kedua responden memberikan persepsi yang positif terhadap Qiraat ʿAsim dan Hamzah yang hendak diajarkan kepada pelajar. Walaupun menyedari bahawa Qiraat Hamzah ada sedikit perbezaan dari sudut sebutan dan cara bacaan, namun kedua-dua responden mengakui bahawa pelajar tidak menghadapi masalah mengenal pasti perbezaan dan menguasai Qiraat-Qiraat tersebut.

Kenyataan ini menyokong definisi Hornby (1985) terhadap persepsi yang menyatakan bahawa persepsi adalah perkara yang menentukan tingkahlaku seseorang dalam sesuatu situasi. Begitu juga pendapat Ling (2009) menyatakan bahawa persepsi seseorang itu dibentuk berdasarkan pengalaman dan maklumat individu. Pengalaman dan maklumat yang sempit dan salah akan menghasilkan persepsi yang sempit dan salah juga.

## IMPLIKASI KAJIAN

Hasil Kajian ini telah berjaya menghasilkan satu Model Asas Pemahaman Konsep Guru Qiraat (MAPKGQ). Model tersebut dapat dirumuskan melalui Rajah 2.



Rajah 2 Model Asas Pemahaman Konsep Guru Qiraat (MAPKGQ)

Berdasarkan Rajah 2 seorang guru Qiraat perlu menguasai dan memahami beberapa konsep penting berkaitan dengan ilmu Qiraat secara umum. Konsep tersebut ialah objektif, definisi, pengkelasan, minat, pengetahuan, persepsi dan hubung kait. Melalui pemahaman konsep-konsep tersebut guru-guru dapat membentuk asas pengetahuan dan mempunyai gambaran keseluruhan berkenaan ilmu Qiraat. Begitu juga untuk mengajar Qiraat A'sim (asas Qiraat) dan Qiraat-qiraat yang lain, guru harus mengetahui serta memahami istilah, sebutan dan perbezaan bacaan.

Kajian yang telah dijalankan ini dilihat dapat memberi panduan kepada guru-guru Qiraat dan al-Quran. Hal yang demikian memberi gambaran apakah konsep-konsep yang perlu dikuasai dan difahami oleh mereka sebelum memulakan pengajaran di dalam kelas. Pihak kementerian yang bertanggungjawab memilih guru Qiraat juga dapat menentukan kriteria yang sewajarnya berdasarkan kajian ini.

## KESIMPULAN

Kajian ini membincangkan kefahaman dan penguasaan guru-guru Qiraat tentang ilmu Qiraat secara umum dan Qiraat 'Asim dan Qiraat Hamzah. Kedua-dua Qiraat tersebut menjadi kayu ukur kepada Qiraat-qiraat yang lain. Terdapat sepuluh tema yang dibincangkan dalam kajian ini. Tema-tema tersebut ialah definisi, objektif, pengkelasan, minat, pengetahuan, hubungkait, persepsi, istilah, sebutan dan perbezaan. Kajian ini telah berjaya menghasilkan Model Asas Pemahaman Konsep Guru Qiraat (MAPKGQ). Model ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada guru-guru al-Quran dan Qiraat.

## RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri dan Muhamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. *Journal of Islamic and Arabic Education*. Bangi. UKM.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim dan Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke atas Pembangunan Diri Murid. Laporan akhir projek penyelidikan* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Main Salimon. 1993. *Kepuasan Kerja Guru Dan Perkaitannya Dengan Latar Belakang, Pengurusan Kurikulum dan Pengajaran*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Bangi: UKM.
- Abdul Rahim al-Torhuni. 2006. *Jamek Al-Mutun Fi Tajweed Al-Quran Al-Karim*. Kaherah: Darul Hadith.
- Al-Abrasyi. Mohd Athiyah. 1969. *At-Tarbiyah al-Islamiah Wafalasifatuha*. Kaherah: Isa al-Babi al-Halabi
- Atan Long. 1980. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Snd. Bhd.
- Ausubel, D. P. 1963. *The Psychology Of Meaningful Verbal Learning*. New York: Grune and Stratton
- Esah Sulaiman. 2004. *Pengenalan Pedagogi*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. *Sukatan pelajaran kelas kemahiran al-Quran*. Selangor: KPM.
- Miles Matthew B. & Huberman A. Michael. 1994. *Qualitative Data Analysis: An Expanded Source Book*. Carlifornia: Thousand Oaks SAGE Publications.

- Mohd Rahim Jusoh. 2001. *Pengenalan Ilmu Qiraat*. Batu Cave: Mahsuri Timur Sdn. Bhd.
- Mohd Hilmi. 2010. *Amalan Pedagogi Guru Qiraat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sa'aban Muhammad Ismail. 1999. *Al-Qiraat Abkamuha Wa Masdaruha*. Kaherah Mesir: Darus Salam.
- Shulman, L.S. (1986). *Paradigms and research programs in the study of teaching: A contemporary perspective*. New York: Macmillan.
- Syed Ali Ashraf. 1994. *Horizon baru dalam pendidikan Islam*. kata pengantar Seyyed Hossein Nasr, penterjemah Ismail Ahmad. Imprint Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Zawawi Bin Tengku Zainal. 2005. *Pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi tajuk-tajuk pecahan di kalangan guru matematik sekolah rendah*. Bangi: UKM.
- Wiseman, D.L. Cooner, Donna D & Knight S.L. 1999. *Becoming A Teacher In A Field-Based Setting : An Introduction To Education And Classrooms*. USA. Wadsworth Pub. Co.
- Zainab Samsuddin. 2004. *Amalan bahasa merentas kurikulum di kalangan guru mata pelajaran sekolah menengah: satu kajian kes*. Projek Penyelidikan. Bangi: UKM.
- Ling Pik Kuong. 2009. *Persepsi terhadap kepentingan aktiviti seni kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran*. Bangi: UKM.
- Hornby A.S. 1985. *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. Oxford: University Press.

#### **BIODATA PENULIS**

**Mohd Hilmi Rozali**. Pensyarah Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru.

**Kamarul Azmi Jasmi**. Pensyarah Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

**Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff**. Pensyarah Jabatan Pengkaedahan dan Amalan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.